

1982.

ALOR SETAR, 15 APRIL (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU UMAT ISLAM BERUSAHA MENAMBAHKAN PENDAPATAN MEREKA KERANA INI DITUNTUT OLEH AGAMA ISLAM.

PERDANA MENTERI MENYANGKAL DAKWAAN SETENGAH GOLONGAN KONONNYA KERAJAAN BARISAN NASIONAL TERLALU MATERIALISTIK HINGGA MENGABAIKAN SOAL AGAMA.

+SAYA INGIN MENEKANKAN DI SINI BAHAWA TIDAK ADA RUKUN ISLAM YANG BOLEH DILAKUKAN DENGAN SEMPURNA TANPA MEMPUYAI WANG KECUALI MENGUCAP DUA KALIMAH SYAHADAT.+

+JIKA KITA MISKIN ADALAH SUKAR BAGI KITA NAK MENUNAIKAN SEMBAHYANG, MENERJAKAN PUASA, MENGELUARKAN ZAKAT ATAUPUN MENUNAIKAN FARDHU HAJI,+ TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN KOMPLEKS PERUSAHAAN MEMBUAT BULUH DI KAMPUNG NAKA, KIRA-KIRA 48 KILOMETER DARI SINI. PROJEK ITU ADALAH USAHA UNTUK FAEDAH PENDUDUK LUAR BANDAR YANG DIJALANKAN OLEH LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA).

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SENTIASA BERUSAHA MENINGKATKAN KERJASAMA RAKYAT LUAR BANDAR DAN INI TERMASUK MEMBOLEHKAN MEREKA MENYERTAI PERUSAHAAN KECIL.

KATANYA, KERAJAAN AKAN MEMPERBANYAKKAN LAGI JENIS PERUSAHAAN KECIL TERMASUK BULUH, ROTAN, JERAMI, LALANG DAN TANAH LIAT BAGI FAEDAH PENDUDUK DESA.--BERSAMBUNG 1830/HM

MAHATHIR-ISLAM 2 ALOR SETAR

RAKYAT HANYA PERLU TEKUN BEKERJA DAN MEMBUAT BARANG-BARANG ITU MENGIKUT REKABENTUK YANG DITENTUKAN KERANA TANGGUNGJAWAB MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PASARAN ADALAH DIPIKUL OLEH KERAJAAN.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN SEGALA KEMUDAHAN ITU ADALAH SELARAS DENGAN HASRAT KERAJAAN UNTUK MEMBERIKAN KEADILAN KEPADA SEMUA KAUM DARI BERBAGAI GOLONGAN.

+OLEH YANG DEMIKIAN SAYA BERHARAP SEMUA PENDUDUK AKAN MENGUNDI DACING DALAM PILIHANRAYA UMUM PADA 22 APRIL INI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SIMBOL DACING ITU SENDIRI MELAMBANGKAN KEADILAN KERANA +KEDUA TIMBANGNYA SAMA BERAT TIDAK SEPERTI TIMBANG KATI DULU DI MANA IA BERAT SEBELH.+

+JIKA TIDAK PERCAYA PERGILAH UKUR KERANA SAYA TAHU PERKARA INI OLEH SEBAB SAYA PERNAH BEKERJA SEBAGAI PENJAJA DI PEKAN RABU, ALOR SETAR PADA MASA LALU,+ TAMBAH BELIAU DISAMBUL DENGAN GELAK KETAWA OLEH 3,000 ORANG PENDUDUK DI KAMPUNG ITU.

UCAPANNYA DIBUAT MENGIKUT LOGHAT KEDAH DAN ADALAH NYATA PESANANNYA DAPAT DIHAYATI OLEH PENDUDUK DI SITU YANG TINGGAL DI PERKAMPUNGAN YANG TERLETAK DI BAWAH KAWASAN PARLIMEN PADANG TERAPKUBU KUAT PAS SATU MASA DULU.-- BERSAMBUNG 1935/HM

BELIAU BERHARAP RAKYAT TIDAK AKAN TERPENGARUH DENGAN DAKWAAN GOLONGAN TERTENTU KONONNYA KERAJAAN TIDAK MEMPERJUANGKAN AGAMA ISLAM KERANA IA TIDAK BERASAS SAMA SEKALI.

TEGASNYA, BERBAGAI-BAGAI KEMUDAHAN UNTUK MENEGAKKAN SYIAR AGAMA TELAH DILAKSANAKAN DAN INI TERMASUK MENGHANTAR PARA PELAJAR ISLAM KE MESIR DAN NEGARA-NEGARA ARAB YANG LAIN SEHINGGA TERDAPAT ORANG YANG MEMENANGI IJAZAH SARJANA ATAU DOKTOR FALSAFAH DALAM BIDANG AGAMA.

+TETAPI SAYA HARAP JANGANLAH PERGI MENERIMA RAWATAN DARIPADA MEREKA KERANA LAIN PENYAKIT PULA YANG AKAN DIUBAT.+

+SAYA SEBAGAI SEORANG DOKTOR BOLEHLAH MENGUBAT PENYAKIT TETAPI OLEH KERANA SAYA MEMBUAT KERJA LAIN SEKARANG MAKA SAYA MEMINTA SAUDARA-SAUDARA BEKERJA PULA PADA 22 APRIL KELAK,+ KATANYA DISAMBUT DENGAN TEPUKAN GEMURUH.--BERNAMA 1940/HM